

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tentang tindakan pemboikotan para pengguna ke atas produk makanan keluaran pengilang-pengilang tempatan seperti yang menular dalam media sosial seperti “WhatsApp” dan internet.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan tidak mengawal aktiviti pemboikotan yang dilakukan oleh pengguna terhadap sesuatu produk sama ada dari dalam mahupun luar negara. Pemboikotan merupakan salah satu cara pengguna menyuarakan hak-hak mereka.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang isu pemboikotan terhadap mana-mana barangan dan perkhidmatan yang ditularkan melalui pelbagai medium terutamanya melalui media sosial, sebagai langkah proaktif, pihak kementerian melalui Bahagian Penguatkuasa akan melakukan penyiasatan yang merangkumi bidang kuasa kementerian ini sahaja seperti daripada aspek pencatutan, harga barangan atau perkhidmatan, isu barang tiruan dan sebagainya.

Selain itu, kementerian juga telah melaksanakan pelbagai program advokasi dan aktiviti kepenggunaan bagi memperkasakan lagi kesedaran pengguna melalui pelbagai medium penyampaian seperti pelaksanaan ceramah kepenggunaan dan penyampaian maklumat melalui media baharu seperti *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Pelaksanaan program dan aktiviti tersebut merangkumi pelbagai lapisan masyarakat termasuklah pelajar sekolah dan Institut Pengajian Tinggi, wanita, belia, dan sebagainya.

NO. SOALAN : 153

Kementerian juga telah dan akan menyediakan pelbagai garis panduan dan peraturan sebagai rujukan pihak industri sekaligus dapat melahirkan peniaga yang lebih beretika dalam menjalankan aktiviti urus niaga dengan pengguna. Antara contoh garis panduan dan peraturan yang telah dan akan dikeluarkan oleh kementerian adalah seperti Garis Panduan Industri Katering, Garis Panduan Kedai Serbaneka Dengan Kepentingan Asing dan Panduan Menjalankan Perniagaan e-Dagang Kepada Peniaga.

Kementerian juga mengalu-alukan rakyat yang merupakan seorang pengguna supaya dapat menyalurkan sebarang aduan berkaitan salah laku peniaga atau isu-isu berkaitan bidang kuasa kementerian ini melalui saluran rasmi yang telah disediakan seperti melalui Portal e-Aduan, aplikasi Ez ADU dan juga aplikasi WhatsApp (019-2794713).